

TEKS UCAPAN
YBRS. PROFESOR DR AHMAD TAUFEEK ABDUL
RAHMAN
MENJALANKAN FUNGSI REKTOR
UiTM CAWANGAN SELANGOR

SEMPENA
MAJLIS PENUTUP HEARTBEAT HEROES 2025

6 DISEMBER 2025 | SABTU | 10:30 PAGI
DEWAN BERLIAN
UiTM CAWANGAN SELANGOR
KAMPUS PUNCAK ALAM

Terima kasih Pengacara Majlis

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAH RABBI ALAMIN
WASOLATU WASALAMU ALA ASYRAFIL
ANBIYAI WAL MURSALIN WA ALA ALIHI
WASOHBHI AJMAIN**

YBhg. Dato' Dr Khalid Ibrahim

Timbalan Pengarah Profesional & Operasi
Hospital Al-Sultan Abdullah

YBrs. Profesor Dr Mohd Hafiz Mohd Hanafiah

Timbalan Rektor Bahagian Hubungan Industri,
Komuniti, Alumni dan Keusahawanan, Menjalankan
Tugas Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar

YBrs. Profesor Dr Fazah Akhtar Hanapiah

Dekan Fakulti Perubatan

YBrs. Dr Mohd Fazrul Mokhtar

Pengerusi

Program Heartbeat Heroes

Barisan Jawatankuasa Program

Seterusnya mahasiswa UiTM Cawangan Selangor, tuan-tuan, puan-puan para hadirin yang saya hormati sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan
Salam UiTM di Hatiku.**

1. Syukur dengan izin dan rahmat Allah SWT, hari ini kita berada di penghujung **Program Heartbeat Heroes UiTM Cawangan Selangor Tahun 2025**, sebuah inisiatif yang bukan sahaja menghimpunkan komuniti kita, tetapi berjaya

melahirkan generasi *heartsavers* yang bersedia bertindak pada saat paling kritikal.

2. Terlebih dahulu, saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada **Fakulti Perubatan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM Cawangan Selangor dan Hospital Al-Sultan Abdullah** atas kerjasama erat dan komitmen yang tinggi dalam penganjuran program ini.
3. Saya dimaklumkan lebih 2,000 orang pelajar dan 150 orang staf telah mengikuti latihan *Cardiopulmonary Resuscitation* (CPR) dan *Automated External Defibrillator* (AED) sepanjang program dijalankan.
4. Pencapaian ini diraih dalam tempoh kurang empat bulan dan menunjukkan komitmen serta sokongan luar biasa daripada seluruh warga UiTM Cawangan Selangor. -Tahniah kepada semua.

Hadirin sekalian,

5. Sebelum program bermula, hanya sekitar separuh peserta pernah mendengar tentang AED dan yakin untuk melakukan CPR.
6. Hari ini, saya percaya para peserta bukan sahaja memahami, malah telah mencuba dan kini lebih berani untuk bertindak apabila situasi kecemasan berlaku.
7. Saya amat berbangga kerana pencapaian ini telah mengukuhkan kedudukan UiTM Cawangan Selangor sebagai peneraju keselamatan kampus melalui pendidikan CPR dan penggunaan AED, selari dengan aspirasi universiti untuk melahirkan warga yang sihat, peka dan mampu menyumbang kepada komuniti yang lebih selamat.

8. Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada jawatankuasa penganjur, para jurulatih, pasukan logistik, teknikal, keselamatan serta semua yang telah bekerja dengan penuh dedikasi.
9. Usaha tuan-tuan dan puan-puan bukan sahaja telah menjayakan program ini, tetapi turut membina satu ekosistem *heartsavers* di UiTM.
10. Sukacita untuk saya turut berkongsi bahawa UiTM Cawangan Selangor telah meluluskan plan penempatan AED di Kampus Puncak Alam, Puncak Perdana, Sungai Buloh dan Selayang.
11. Langkah besar yang diambil ini bertujuan memperkukuh keselamatan warga UiTM Cawangan Selangor, sekali gus meningkatkan keupayaan respons kecemasan warga demi kesejahteraan bersama.

12. Justeru, saya berharap seluruh warga UiTM Cawangan Selangor akan lebih peka, mengetahui lokasi AED di kawasan masing-masing, serta memahami bahawa gabungan CPR dan AED mampu meningkatkan peluang menyelamatkan nyawa.
13. Akhir kata, saya berharap agar *Program Heartbeat Heroes* ini diteruskan pada tahun-tahun mendatang, dan tidak terhenti setakat ini sahaja.
14. Malah, program ini wajar diperluaskan ke kampus UiTM lain agar lebih ramai warga universiti mendapat manfaatnya.

Mentari muncul membuka hari,
Tanda bermula langkah berjaga;
Ilmu CPR dan AED dipelajari,
Usaha selamatkan nyawa yang berharga.

15. Dengan lafaz suci Bismillahirrahmanirrahim,
saya sukacitanya merasmikan penutupan
**Program Heartbeat Heroes UiTM Cawangan
Selangor Tahun 2025.**

**Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah
Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.**